

Malaysia bantu sekolah di China

BH - 28/5/2007

Pengalaman tingkat pendidikan luar bandar

KLUANG: Malaysia sedia berkongsi pengalaman dan membantu China untuk membangunkan pendidikan luar bandarnya, kata Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Hussein.

Katanya, ketika melawat China minggu lalu, beliau mendapati negara itu agak ketinggalan dalam usaha membangunkan pendidikan di luar bandar dan negara itu ingin mempelajari pengalaman Malaysia yang sudah lebih lama mempelopori pendidikan di luar bandar.

"Mereka pegawai pendidikan China, sangat tertarik dan berminat untuk belajar pengalaman kita. Saya beritahu jangan mengulangi lagi kesilapan kita kerana dengan jumlah yang begitu besar kesilapan itu akan terpaksa ditanggung dengan kos yang begitu tinggi," katanya.

Hishammuddin yang juga Anggota Parlimen Sembrong berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Taklimat dan Pameran Pelan Induk Pembangunan Pendidikan di Felda Kahang Timur di sini, semalam.

Katanya, beliau juga terkejut apabila mengetahui yang pegawai pendidikan di China itu kurang pengalaman dalam pendidikan di luar bandar.

"Kami memberitahu ada banyak persediaan yang perlu dibuat seperti pengalaman kita dalam membangun-

kan pendidikan komputer di sekolah luar bandar di mana peralatan komputer sehingga ke penjana kuasa perlu disediakan," katanya.

Selain itu, Hishammuddin turut menerangkan pengalaman Malaysia dalam pembinaan makmal, asrama dan kuarters untuk pelajar dan guru serta pemberian elaun dan perlindungan insurans untuk guru luar bandar.

"Semua ini perlu disediakan terlebih dulu sekiranya kita mahu membangunkan pendidikan di luar bandar dan mereka memberitahu saya

“*Saya beritahu jangan mengulangi lagi kesilapan kita kerana dengan jumlah yang begitu besar kesilapan itu akan terpaksa ditanggung dengan kos yang begitu tinggi”*

Hishammuddin Hussein
Menteri Pelajaran

yang perkara ini tidak pernah difikirkan mereka dan China pula menjadikan pendidikan luar bandar sebagai antara agenda utama mereka untuk 10 tahun akan datang," katanya.

Sementara itu dalam ucapannya, Hishammuddin berkata, China juga mempunyai banyak pengalaman lain yang boleh ditimba oleh guru, pendidik dan orang ramai di negara ini.

Katanya, negara yang paling ramai penduduk itu kini sedang berusaha mengatasi masalah jurang pendidikan yang semakin melebar terutama antara kawasan bandar dan luar bandar dengan membangunkan lebih banyak sekolah untuk penduduknya.

"Di China ada sekolah ramai pelajar dengan infrastrukturnya bagaikan sebuah reban ayam, tetapi masih ramai yang menghargai sekolah dan bersungguh-sungguh menghantar anak mereka ke sekolah dan inilah yang kita perlu pelajari daripada mereka dan bukan pembinaan sebuah sekolah yang tersergam indah tetapi semangat ibu bapa, pemimpin masyarakat dan penduduk setempat kurang menyedari betapa pentingnya anak kita diberikan ilmu.

"Di negara ini, pendidikan didapati dengan terlalu mudah sehingga ramai yang mengambil mudah dan tidak menghargai sekolah," katanya. - Bernama